

From: Jabatan Keselamatan
Sent: Monday, October 8, 2018 3:10 PM
To: UUM - All Staff
Subject: MAJLIS PENYERAHAN TUGAS PENGARAH JABATAN KESELAMATAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



8 OKTOBER 2018 / 28 MUHARRAM 1440H

MAJLIS PENYERAHAN TUGAS PENGARAH JABATAN KESELAMATAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



KESL ONLINE : Baru-baru ini Cawangan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Keselamatan telah mengadakan majlis penyerahan tugas Pengarah Jabatan Keselamatan Universiti Utara Malaysia pada 1 Oktober 2018 (Isnin) jam 9.30 pagi.

Dalam majlis tersebut menyaksikan Mejar Mohamad Ezanee bin Yazid mantan Pengarah Jabatan Keselamatan telah menyerahkan tongkat kuasa Pengarah Keselamatan Universiti Utara Malaysia (UUM) kepada Yang Menjalankan Tugas Pengarah Keselamatan Lt. Kol. (B) Hj. Musa bin Hj. Bari disaksikan oleh Encik Ahmad Rasidi bin Abdullah, Pengarah Jabatan Canselori di Bilik Mesyuarat Jabatan Keselamatan. Pelantikan tersebut berkuatkuasa 1 Oktober 2018.

Pada majlis itu, Encik Ahmad Rasidi bin Abdullah berharap agar Lt. Kol. (B) Hj. Musa bin Hj. Bari dapat memberikan komitmen yang baik di Jabatan Keselamatan dan mengucapkan tahniah di atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak pengurusan bagi memastikan Universiti Utara Malaysia sentiasa selamat, aman dan tenteram.

Turut hadir menyaksikan penyerahan tugas tersebut adalah pegawai-pegawai, ketua-ketua dari semua Unit Jabatan. Majlis ditamatkan dengan jamuan ringan pada jam 11.00 pagi.

Habis.

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**JABATAN KESELAMATAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Telefon : 04-928 3333 / 2416

Faks : 04-928 2424

E-Mel : security@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.